

## Aerodyne, Petrosar teroka pasaran DT3 di Sarawak dan Borneo

Februari 15, 2022 @ 5:04pm



Pasukan Aerodyne sedang memantau Menara 118 di Kuala Lumpur.

KUALA LUMPUR: Aerodyne Group dan Akademi Petrosar bekerjasama untuk menyediakan teknologi dron yang canggih, teknologi data dan penyelesaian transformasi digital (DT3) di pasaran Sarawak dan Borneo.

Petrosar adalah pusat latihan vokasional, teknikal dan kejuruteraan (TVET) yang bertauliah, berfungsi untuk menyokong perkembangan pelbagai industri tempatan.

"Dengan kehadiran serta pengaruh kuat Petrosar di Sarawak dan pasaran serantau, serta kepakaran Aerodyne dalam penyelesaian masalah berkaitan teknologi dron dan pengurusan data, kerjasama ini bakal mendorong pembangunan di samping memajukan lagi keseluruhan industri teknologi di Sarawak dan Borneo.

"Kerjasama ini bertujuan untuk menyediakan penyelesaian bertaraf dunia kepada sektor swasta dan awam supaya mencapai hasil perniagaan berprestasi tinggi," menurut kedua-dua syarikat itu dalam satu kenyataan bersama hari ini.

Petrosar dan Aerodyne berkata, mereka bakal mengubah lanskap perindustrian negeri Sarawak dengan menggunakan kepakaran dalam perkhidmatan kejuruteraan minyak dan gas, pemeriksaan dan pengurusan aset infrastruktur yang kritikal, peninjauan sekuriti dan aerial, penghantaran secara dron berteknologi tinggi dan perkhidmatan lain termasuk latihan dan pembangunan modal insan.

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Aerodyne, Kamarul Muhamed, berkata Aerodyne akan bekerjasama dengan Petrosar dan syarikat-syarikat gabungannya yang lain untuk merevolusikan serta mendigitalkan perniagaan di Sarawak dan pasaran Borneo, sambil menyediakan solusi teknikal yang canggih kepada perusahaan yang terbabit.

"Ini turut membuka ruang kepada pihak berkepentingan tempatan untuk menambah baik proses perusahaan mereka dan mencapai matlamat mereka.

"Pada masa yang sama kedua-dua pihak juga sangat teruja untuk mencipta pelbagai peluang pekerjaan baharu di Sarawak, yang bakal membawa status Malaysia ke arah negara berteknologi tinggi," katanya.

CEO Petrosar, Azfar Safri, berkata kerjasama strategik ini adalah satu penanda aras bagi syarikat itu di Sarawak.

"Matlamat kami tidak terbatas dengan sempadan geografi. Akademi Petrosar juga mempunyai rancangan strategik untuk menjadi pemangkin kepada industri analitik dron di seluruh Borneo, termasuk Kalimantan, Indonesia," katanya.

-BERNAMA